



Anwar bersama Mohd Shukri pada pertemuan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

BH - 13/12/2022 m/s: 5

MB Perlis, PM bincang pembangunan negeri

Putrajaya: Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli semalam mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kementerian Kewangan di sini, bagi membincangkan isu berkaitan pembangunan Perlis.

“(Ini pertemuan) biasa saja, (bincang) masalah Kerajaan Perlis,” kata Anwar yang juga Menteri Kewangan kepada BERNAMA selepas pertemuan lebih satu jam itu.

Sementara itu, Mohd Shukri berkata, antara perkara dibincangkan adalah mengenai projek

pembangunan di Perlis.

“Pertemuan baik, Alhamdulillah, banyak sokongan daripada Perdana Menteri,” katanya.

Terdahulu, Anwar tiba di Kementerian Kewangan pada jam 9.53 pagi bagi memulakan tugasnya disusuli dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Steven Sim Chee Keong yang turut memulakan tugas secara rasmi semalam.

Kelmarin, Anwar berkata, beliau akan ke Kementerian Kewangan semalam bagi meneliti perkara berkaitan kelulusan projek secara rundingan terus.